

25 FEB 2002

Mahathir-Blair/I

MAHATHIR SAMPAIKAN KEPADA BLAIR PENDIRIAN M'SIA MENGENAI KEGANASAN

Oleh: Zaharah Othman

LONDON, 25 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertemu Perdana Menteri Britain Tony Blair di 10 Downing Street di sini, hari ini menyampaikan pendirian Malaysia terhadap keganasan.

Perdana Menteri membincangkan bersama Blair strategi-strategi untuk memerangi keganasan dan perlunya pandangan yang seimbang dalam soal Palestin.

Dr Mahathir juga meminta Blair berhati-hati dengan fasa dua perang terhadap keganasan yang dikatakan mungkin membabitkan serangan oleh Amerika Syarikat terhadap Iraq kerana dunia Islam pasti tidak senang dengan serangan itu.

Semasa bercakap kepada pemberita Malaysia selepas pertemuan selama 45 minit itu, Dr Mahathir berkata Blair menerima pendirian Malaysia dan akan menyampaikan pandangan itu kepada Presiden Amerika George Bush dalam pertemuan kedua-dua pemimpin itu nanti.

Dalam pertemuan itu Dr Mahathir diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London, Datuk Salim Hashim.

Perdana Menteri berada di Britain kerana lawatan kerja lima hari ke London selepas melawat Antartika dan Argentina.

Selepas bertemu dengan Blair, Dr Mahathir kemudian ke Parlimen Britain untuk mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan anggota-anggota kedua-dua dewan Parlimen Britain iaitu 'House of Lords' dan 'House of Commons'.

-- BERNAMA

ZO AZZ PR